

"Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu  
 (dengan sejelas-jelasnya) : Demi sesungguhnya  
 jika kamu bersyukur (terhadap segala nikmat-Ku)  
 tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu  
 dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap nikmat itu)  
 maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras".  
 - Surah Ibrahim, ayat 7

# Membangun kompetensi merentas budaya

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
 Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
 Jumaat, 2 November. - Persatuan  
 Pandu Puteri Brunei Darussalam  
 (PPPBD) dalam inisiatifnya  
 mengiktiraf dan menghargai  
 sumbangan ahli-ahli PPPBD atas  
 penglibatan mereka dalam projek  
 dan kegiatan kepanduan yang  
 diungkuhkan di dalam dan luar  
 negara.

Projek Jari-jari Hijau Fasa Ke-4  
 PPPBD telah sempurna dijalankan  
 selama empat bulan bermula dari  
 Ogos 2022 sehingga November  
 tahun ini yang disertai seramai 94  
 ahli Pandu Puteri dan Pandu Puteri  
 Ranjer dari tujuh buah sekolah  
 menengah dan maktab.

Sekolah-sekolah menengah  
 dan maktab yang terlibat ialah  
 Sekolah Menengah (SM) Sayyidina  
 Hasan, SM Sayyidina Husain,  
 Sekolah Ugama Arab Menengah  
 Perempuan Raja Isteri Pengiran

Anak Hajah Saleha, SM Tanjong  
 Maya, SM Berakas, SM Pengiran  
 Anak Puteri Hajah Masna dan  
 Maktab Duli Pengiran Muda  
 Al-Muhtadee Billah.

Melalui projek tersebut, para  
 peserta didedahkan dengan  
 kegiatan bercucuk tanam,  
 pemeliharaan alam sekitar serta  
 penyelenggaraan kawasan kebun  
 sayur-sayuran dan buah-buahan  
 milik persatuan.

Antara tujuan utama projek  
 berkenaan ialah untuk menyokong  
 Matlamat Pembangunan Mampan  
 (Sustainable Development Goals)  
 dan menambah pengetahuan  
 mengenai alam sekitar dan alam  
 semulajadi.

Selain itu, 13 ahli PPPBD juga  
 telah menyertai Girl Guides  
 Singapore International Camp  
 2022 yang berlangsung dari 1  
 hingga 4 Jun 2022 secara dalam

talian (virtual).

Kumpulan berkenaan dipimpin  
 oleh Pesuruhjaya Pandu Puteri  
 Ranjer PPPBD, Dayang Hajah  
 Ostinah binti Haji Othman dan  
 dibantu oleh Pemimpin dari  
 Sekolah Arab Belait, Dayang Hajah  
 Nurqurratu'aini binti Haji Mordadi.

Manakala, ahli-ahli lain terdiri  
 daripada Pemimpin Muda  
 Universiti Islam Sultan Sharif Ali  
 (UNISSA); Pemimpin Muda Kolej  
 Universiti Perguruan Ugama Seri  
 Begawan (KUPU SB); Pandu  
 Puteri SM Tanjong Maya dan  
 Pandu Puteri Sekolah Arab Belait.

Dengan bertemakan 'She Can',  
 perkhemahan secara maya itu  
 diadakan dengan matlamat  
 membangun kompetensi merentas  
 budaya dan kesedaran global.

Para peserta dilibatkan dalam  
 perbincangan dan kegiatan  
 berkaitan kesedaran kesihatan  
 mental, isu-isu alam sekitar dan  
 kesaksamaan jantina.

Penyampaian sijil dan lencana



**KETUA** Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam, Dayang  
 Hajah Siti Hafsa binti Haji Abdul Halim menyempurnakan penyampaian  
 lencana kepada salah seorang ahli.

yang diadakan di Ibu Pejabat Pesuruhjaya PPPBD, Dayang  
 PPPBD, Anggerek Desa, Hajah Siti Hafsa binti Haji Abdul  
 disempurnakan oleh Ketua Halim.